



Kristus 5





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to
this comic book as provided by United
States copyright law.

Print and digital copies of this version may
be freely distributed without penalty under
a Creative Commons license.

SELEPAS YESUS MEMILIH
RASUL-RASULNYA, YESUS TERUS
MENYEMBUH DAN MENGAJAR
DI BANYAK TEMPAT.

BERBAHAGIALAH
ORANG YANG SEDAR BAWAHA
MEREKA MEMERLUKAN
ALLAH, MEREKALAH YANG
MENIKMATI PEMERINTAHAN
ALLAH!

BERBAHAGIALAH
ORANG YANG
BERSEDIH HATI, ALLAH
AKAN MENGHIBURKAN
MEREKA!

BERBAHAGIALAH
ORANG YANG RENDAH HATI,
MEREKA AKAN MENERIMA APA
YANG TELAH DIJANJI OLEH
ALLAH!

BERBAHAGIALAH ORANG
YANG BETUL-BETUL MAHU
MELAKUKAN KEHENDAK
ALLAH!

ALLAH AKAN
MEMUASKAN
MEREKA!

BERBAHAGIALAH ORANG
YANG MENGASIHANI ORANG
LAIN, ALLAH JUGA AKAN
MENGASIHANI MEREKA!

BERBAHAGIALAH
ORANG YANG MURNI
HATI, MEREKA AKAN
MENGENAL ALLAH!

BERBAHAGIALAH ORANG
YANG MEMBAWA KEDAMAIAN
ANTARA MANUSIA, ALLAH
AKAN MENYEBUT MEREKA
ANAK-ANAK-NYA!

BERBAHAGIALAH
ORANG YANG MENDERITA
PENGANIAYAAN KERANA
MELAKUKAN KEHENDAK
ALLAH, MEREKALAH YANG
MENIKMATI PEMERINTAHAN
ALLAH!

BERBAHAGIALAH KAMU APABILA
ORANG MENGHINA, MENGANIAYA, DAN
MEMFITNAH KAMU KERANA KAMU
PENGIKUT-KU!

BERSUKACITALAH
DAN BERGEMBIRALAH!
NABI-NABI ZAMAN
DAHULU JUGA DIANIAYA
SEPERTI ITU.

ALLAH SUDAH
MENYEDIAKAN PAHALA
YANG BESAR DI SYURGA
UNTUK KAMU.

MATIAS 5:1-12; LUKAS 6:17-23

KAMU
BAGAIKAN GARAM
DUNIA!

JIKA GARAM SUDAH
MENJADI TAWAR, GARAM
ITU TIDAK DAPAT
MENJADI MASIN LAGI.

GARAM ITU TIDAK
BERGUNA LAGI, IA
AKAN DIBUANG DAN
DIPIJAK-PIJAK
ORANG!

KAMU BAGAIKAN
CAHAYA BAGI
DUNIA!

HENDAKLAH CAHAYA
KAMU JUGA BERSINAR
DI HADAPAN ORANG!

SUPAYA MEREKA MELIHAT
PERBUATAN KAMU YANG BAIK,
LALU MEMUJI BAPA KAMU
YANG DI SYURGA!

JANGANLAH
MENGANGGAP AKU DATANG
UNTUK MENGHAPUSKAN
TAURAT MUSA DAN AJARAN
NABI-NABI!

TIDAK...

AKU DATANG
SUPAYA SEMUA
AJARAN ITU
BERLAKU!



KAMU TAHU
APA YANG PALING
MENAKJUBKAN?
SEMUA YANG
MENDENGAR KATA-KATA
YESUS KAGUM
DENGANNYA.

SAYA INGIN TAHU
BERAPA ORANG
MENGAMALKAN APA
YANG DIA MENGAJAR!

IA SEPERTI CERITA ITU
YANG DIBERITAHUNYA. SETIAP
ORANG YANG MENDENGAR
KATA-KATA-KU DAN MENURUT-
NYA, DIA SEPERTI SEORANG BIJAK
YANG MEMBINA RUMAH
DI ATAS BATU.

KALAU KAMU TIDAK
MENURUTNYA, IA SEPERTI
MEMBINA RUMAH DI ATAS PASIR.
APABILA HUJAN TURUN --

GURU!



GURU!

KAMI MEMPUYAI
SATU PERMINTAAN
YANG LUAR BIASA!

KAMI DIHANTAR OLEH
SEORANG KETUA ASKAR ROMA.
DIA SEORANG YANG LAYAK
TUAN TOLONG.

DIA MEMBINA
RUMAH IBADAT
UNTUK KAMI!



DIA MEMPUYAI
SEORANG HAMBA YANG
MENDERITA. DIA SAKIT
DAN TIDAK DAPAT
BERGERAK.

DIA
HAMPIR MATI.
DIA INGIN
TUAN...

BAIKLAH,
AKU AKAN
PERGI.



SALU DILLA
DISOSOFIDU
KALUSIPUS

TUAN, TUANKU
HANTARKAN
PESANAN.

DIA BERKATA,
"SAYA TIDAK LAYAK
MENYAMPUT TUN KE
RUMAH SAYA.

TETAPI SAYA DI
BAWAH PERINTAH
PERWIRA ATASAN, DAN
DI BAWAH SAYA JUGA
ADA ASKAR-ASKAR
LAIN.

"APABILA SAYA
MENYURUH SEORANG
ASKAR, 'PERGI!' DIA
PUN PERGI.

"PERINTAHKAN
SAHAJA.

"TENTU HAMBA
SAYA AKAN
SEMBUH."

PULANGLAH!
APA YANG KAMU
PERCAYAI ITU
AKAN BERLAKU.

BELUM PERNAH AKU MENJUMPAI
UMAT ISRAEL YANG MEMPUNYAI
IMAN SEBESAR INI!

KETAHUILAH--

-- BANYAK ORANG AKAN
DATANG DARI TIMUR DAN BARAT,
UNTUK MENIKMATI PERJAMUAN
DI DUNIA BARU ALLAH
BERSAMA-SAMA ABRAHAM,
ISHAK, DAN YAKUB!

TUAN!
HAMBA-MU, VITUS!
DIA SEMBUH!

YA.
SAYA
TAHU.



DI LUAR
KOTA NAIN.

ADA PERARAKKAN
PENGEBUMIAN YANG
SEDANG LALU! TOLONG
KE TEPI!!

JANGAN
MENGHALANG
KAMI!!

TUNGGU!
TOLONG
BERHENTI!!

JANGANLAH
MENANGIS.

ANAKKU...
MULA-MULA
SUAMIKU,
SEKARANG
ANAKKU!

HAI ANAK
MUDA!
BANGUN!

APA YANG
DILAKUKAN
DIA?

DIA GILA!!!

SAYA...
SAYA...
BAGAIMANA?

TIDAK MUNGKIN!

HANYA TUHAN
YANG BOLEH
MELAKUKAN INI!

SEORANG
NABI BESAR
TELAH DATANG DI
KALANGAN KAMI!!

PUJI
TUHAN!
PUJINYA!

"KEMUDIAN, SEMUA ORANG DISANA MULA
MEMUJI TUHAN DAN SEKARANG SEMUA ORANG
BERCAKAP TENTANG MUJIZAT INI YOHANES!
SAYA HANYA INGIN—"



DI PENJARA
YOHANES PEMBAPTIS.

-- KAMU
MELIHATNYA
DENGAN MATA
KAMU SENDIRI!

IA MENAKJUB-
KAN! SANGAT
MENAKJUBKAN!

BUATLAH SESUATU
UNTUKKU. TOLONG.



TANYAKAN-NYA
SATU SOALAN.

ADAKAH DIA
ORANG YANG DIKATAKAN
AKAN DATANG, ATAU
HARUSKAH KAMI
MENANTIKAN SEORANG
LAIN?

BAIKLAH!



KEMUDIAN.

ADAKAH
ITU SOALAN
YOHANES?

APAKAH
JAWAPAN
TUAN?

PULANGLAH DAN
BERITAHU YOHANES APA
YANG TELAH KAMU
LIHAT DAN DENGAR!

ORANG BUTA MELIHAT, ORANG
LUMPUH BERJALAN, ORANG YANG
SAKIT SEMBUH, ORANG TULI
MENDENGAR, ORANG MATI
DIBANGKITKAN SEMULA.

BERITA BAIK
ALLAH DIKHABAR-
KAN KEPADA
ORANG MISKIN!

BERBAHAGIALAH
ORANG YANG TIDAK
MEMPUNYAI KERAGUAN
TERHADAP AKU.

BERITAHULAH
DIA.
DIA AKAN FAHAM.



MENGAPA KAMU
MEMBAZIR MASA KAMU
DENGAN PENGKHUTBAH
PEDALAMAM ITU?

SUPAYA RAMAI
ORANG DARI
PEDALAMAM PERGI
MENEMUINYA.

APA YANG
MEREKA
CARIKAN?



SEORANG
NABI?

YA! SEORANG
NABI!

TETAPI IA JUGA
UNTUK MEMENUHI
NUBUAT TUHAN!

INILAH YANG
DITULIS OLEH
MALEAKHI!



"AKU AKAN MENGUTUS DIA
DAHULU DARIPADA-MU UNTUK
MENYEDIAKAN JALAN
BAGI-MU!"

YOHANES PEMBAPTIS
LEBIH BESAR DARIPADA
SEMUA ORANG YANG
PERNAH HIDUP DI
DUNIA INI!

YOHANES ITULAH
ELIA YANG KEDATANG-
ANNYA SUDAH
DINUBUATKAN!

JIKA KAMU
BERTELINGA,
DENGARLAH!



TUAN, SAYA INGIN MENJEMPUT
TUAN KE RUMAH SAYA PADA
PETANG INI.

SAYA ADA BEBERAPA
SOALAN DAN SAYA INGIN
MENDENGAR JAWAPAN
TUAN.

BIARLAH SAYA
BERIKAN MAKAN
KEPADA TUAN DAN
PENGIKUT-PENGIKUT-MU
DAN BIARLAH TUAN
BERIKAN MAKAN
KEPADA JIWA-KU.

BAIKLAH.
BAIKLAH.



PERGI DARI SINI
PEREMPUAN JALANG
KOTOR!

JANGAN BIARKAN ISTERI
KAMU MELIHAT KAMU
BERCAKAP DENGANNYA.

HA HA!



DIA BERKATA, "ORANG BUTA MELIHAT, ORANG LUMPUH BERJALAN, ORANG YANG SAKIT SEMBUH, ORANG TULI MENDENGAR, ORANG MATI DIBANGKITKAN SEMULA."

"BERITA BAIK DARIPADA ALLAH DIKHBARKAN KEPADA ORANG MISKIN!"

KEMUDIAN DIA BERKATA, "BERBAHAGIALAH ORANG YANG TIDAK MEMPUNYAI KERAGUAN TERHADAP AKU."



... YESUS, SAYA TIDAK DIBAPTISKAN OLEH YOHANES KERANA DIA TIDAK MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG KAMI LAKUKAN!

WAHA! SIMON! APA YANG BOLEH SAYA BANDINGKAN DENGAN GENERASI INI!



KAMU SEPERTI KANAK-KANAK YANG MENJERIT DI PASAR!

"KAMI MEMAINKAN LAGU UNTUK KAMU, TETAPI KAMU TIDAK MAHU MENARI! KAMI MERATAP, TETAPI KAMU TIDAK MAHU MENANGIS!"

KAMU TELAH MENOLAK APA YANG DKEHENDAKI OLEH TUHAN!

KAMU CUBA MEMAKSA DAN ORANG UNTUK MENGIKUTI TUJUAN KAMU!



SAYA MENEMUI KAMU!



MAAFKAN SAYA.

MINYAK WANGI, TUAN.

BIARLAH SAYA CUCI KAKI TUAN.

...JIKA DIA INI BENAR-BENAR SEORANG NABI, TENTU DIA TAHU BAHAWA WANITA YANG MENYENTUHNYA ITU HIDUP DALAM DOSA!



BIARLAH AKU KATAKAN KEPADAMU.

ADA SEORANG LELAKI BERHUTANG 500 KEPING WANG PERAK DAN YANG SEORANG LAGI 50 KEPING WANG PERAK.

KEDUA-DUANYA TIDAK DAPAT MEMBAYAR HUTANG JADI ORANG YANG MEMINJAMKAN WANG MENGHAPUSKAN HUTANG MEREKA.

YANG MANAKAH AKAN LEBIH MENGASIHI DIA?

ORANG YANG BERHUTANG LEBIH BANYAK.



WANITA INI MEMBASUH KAKI-KU DENGAN KASIH; DIA DATANG KEPADA-KU DENGAN IMANNYA.

DOSAMU SUDAH DIAMPUNKAN.

IMAN KAMU TELAH MENYELAMATKAN KAMU. PERGILAH DENGAN SEJAHTERA.



KAMU MENGAMPUNKAN DOSA?

SEMUA PERKARA TELAH DILAKUKAN OLEH BAPA-KU MELALUI-KU.

YESUS DAN DUA BELAS PENGIKUTNYA MENERUSKAN PERJALANAN MEREKA DI KOTA DAN PEKAN.



MAGDALA, DI PANTAI BARAT LAUT GALILEA.



MINTALAH SESUATU DARI PADA ALLAH, DAN KAMU AKAN MENERIMANYA!

CARILAH SESUATU DARI PADA ALLAH, DAN KAMU AKAN MENDAPATNYA!

SAYA DENGAR DIA MENGAJAR INI DI BUKIT-BUKIT DI LUAR GALILEA.

MARI! KAMU TIDAK BOLEH PATAH BALIK SEKARANG!



TIDAK!!!

SAYA TIDAK MAHU!!!

JAUHKAN DIA DARI SINI!!!



MARI!

HATI-HATI TUAN!

WANITA INI...


DIA DIRASUKI! DIA DENGAR TENTANG KAMU!

APABILA DIA WARAS, DIA MENYURUH KAMI BAWANYA KEPADA TUAN. TETAPI APABILA KAMI MEMBAWANYA...

PERGI!!! BERAMBUS DARI SINI!!!







DUA BELAS ORANG PENGIKUT-NYA MENYERTAINYA, DAN JUGA BEBERAPA ORANG WANITA YANG SUDAH DISEMBUHKAN DARIPADA KERASUKAN ROH JAHAT DAN PENYAKIT--

-- YESUS MENERUSKAN PELAYANANNYA.

MEREKA MENGGUNAKAN HARTA MEREKA UNTUK MEMBANTU YESUS DAN PENGIKUT-PENGIKUT-NYA.

LEBIH LAMA YESUS MENERUSKAN PELAYANANNYA, LEBIH JAUH BERITA TENTANG SIKAPNYA TERSEBAR.



IBU!
IBU!

DIA DATANG
MELALUI JALAN
INI!

SIAPA?

SAUDARA
KITA!



YESUS.

IBU, ORANG RAMAI
MENGIKUTI DIA DARI
BANDAR KE BANDAR!

MEREKA KATA DIA
MENGUSIR ROH-ROH
JAHAT!

IBU, DIA
SUDAH BENAR-
BENAR GILA!

KAMI PATUT
MENGHALANG-
NYA!

SUATU PETANG, YESUS
MENERIMA JEMPUTAN UNTUK
MENJAMU SELERA.



MAAF! TIADA LAGI RUANG
UNTUK MAKAN DAN JIKA
ADA PUN --



SAYA TIDAK
MAMPU BERI
MAKANAN KEPADA
SEMUA!

ORANG-ORANG
INI DATANG UNTUK
DIBERI MAKAN, TIDAK
DATANG UNTUK
MAKAN.

SEKURANG-KURANGNYA
TIADA ORANG YANG TEMPANG
BERSAMA KAWAN-KAWANNYA
YANG CUBA MASUK!

TOLONG,
BIARLAH KAMI
MASUK!



CAKAP
TERLALU
CEPAT!

YESUS! ANAKKU
BUTA DAN BISU!

TOLONG
SEMBUHKAN
DIA!



ROH-ROH JAHAT YANG
MENAWAN LELAKI INI.

KELUARLAH
DARIPADA LELAKI
INI!

DIA BEBAS
DARI TAWANAN
KAMU!



....
SAYA... SAYA...
YESUS!
TERIMA
KASIH!



IBU... AYAH...
SAYA DAPAT
MELIHAT KAMU!

JANGAN!
JAUHKAN DIRI
DARI ORANG INI!

JIKA DIA DAPAT
MENGUSIR ROH
JAHAT, IA HANYA
DENGAN KUASA
TUANNYA!



DIA DAPAT MENGUSIR
ROH JAHAT KERANA DIA
DIBERIKAN KUASA OLEH
BEELZEBUL, KETUA ROH
JAHAT!

MUNGKIN DIA
PUN DIRASUK OLEH
BEELZEBUL SENDIRI!



ADAKAH KAMU TAHU
APA YANG KAMU
KATAKAN?

BAGAIMANA IBLIS
BOLEH MENGUSIR
IBLIS?

KELUARGA
YANG BERPECAH
BELAH DAN SALING
BERLAWANAN, AKAN
HANCUR.

BAGAIMANA
DENGAN SEBUAH
BANDAR? SEBUAH
NEGERI?

TIDAK! JIKA KERAJAAN
IBLIS MEMPUNYAI
GOLONGAN YANG SALING
BERLAWANAN, MAKA
KERAJAAN ITU SUDAH
BERPECAH BELAH DAN
SEGERA AKAN RUNTUH.



JIKA AKU DIBERIKAN
KUASA OLEH BEELZEBUL,
SIAPAKAH YANG MEMBERIKAN
KUASA MENGUSIR ROH JAHAT
KEPADA PARA PENGKUT
KAMU?

ROH ALLAH MEMBERI
AKU KUASA UNTUK MENGUSIR
ROH JAHAT. HAL INI MEMBUKTIKAN
BAHAWA ALLAH SUDAH MULA
MEMERINTAH DI KALANGAN
KAMU!

SESIAPA YANG
TIDAK BERPIHAK
KEPADA-KU SEBENARNYA
MELAWAN AKU!

SESIAPA YANG
TIDAK MENOLONG AKU,
SEBENARNYA
MEROSAKKAN
PEKERJAAN-KU!



SETIAP
POKOK DIKENALI
DENGAN
BUAHNYA!

ORANG BAIK
MENGELUARKAN
PERKARA-PERKARA
BAIK; ORANG JAHAT
MENGELUARKAN
PERKARA-PERKARA
JAHAT!

KETAHUILAH
BAHAWA PADA HARI
KIAMAT **SETIAP** ORANG
AKAN DIHAKIMI!!



PADA HARI ITU JUGA...

SEORANG PELADANG PERGI MENABUR BENIH.

ADA BENIH YANG JATUH DI JALAN, LALU BURUNG DATANG DAN MEMAKAN HABIS BENIH ITU.

ADA JUGA YANG JATUH DI TEMPAT BERBATU.

BENIH-BENIH ITU BERTUNAS KERANA TANAHNYA SEDIKIT TETAPI APABILA MATAHARI NAIK, TUNAS-TUNAS ITU LAYU LALU KERING.

ADA PULA BENIH YANG JATUH DI TENGAH SEMAK BERDURI DAN MEMBANTUTKAN TUMBUHAN BENIH ITU.

ADA BENIH YANG JATUH DI TANAH SUBUR LALU BERBUAH!

JIKA KAMU BERTELINGA, DENGARLAH!

KEMUDIAN PENGIKUT-PENGIKUT YESUS DATANG DAN BERTANYA KEPADA-NYA.

MENGAPA GURU MENGGUNAKAN PERUMPAMAAN KETIKA BERKATA-KATA KEPADA ORANG RAMAI?

KAMU TELAH DIBERIKAN ANUGERAH UNTUK MENGETAHUI RAHSIA TENTANG BAGAIMANA ALLAH MEMERINTAH, SEDANGKAN MEREKA TIDAK.

"MEREKA AKAN MENDENGAR DAN MENDENGAR, TETAPI TIDAK FAHAM; MEREKA AKAN MELIHAT DAN MELIHAT, TETAPI TIDAK NAMPAK."

TETAPI KAMU SANGAT BERTUAH! MATA KAMU MELIHAT DAN TELINGA KAMU MENDENGAR.

BANYAK NABI DAN ORANG YANG MELAKUKAN KEHENDAK ALLAH INGIN MELIHAT APA YANG KAMU LIHAT SEKARANG INI!

DENGARLAH DAN KETAHUILAH MAKNA PERUMPAMAAN ITU.

BENIH ITU ADALAH FIRMAN TUHAN.

BENIH DI JALAN BAGAIKAN ORANG YANG MENDENGAR FIRMAN ALLAH, TETAPI SI IBLIS DATANG DAN MERAMPAS APA YANG SUDAH DITABUR DI DALAM HATI MEREKA.

BENIH DI TEMPAT YANG BERBATU BAGAIKAN ORANG YANG MENDENGAR TETAPI PERKHABARAN ITU TIDAK BERAKAR DI DALAM HATI, DAN TIDAK TAHAN LAMA.

BENIH DI TENGAH SEMAK BERDURI BAGAIKAN ORANG YANG MENDENGAR, TETAPI BIARKAN BARANG-BARANG DUNIA MEMBANTUTKAN PERKHABARAN ITU SEHINGGA TIDAK BERBUAH.

BENIH DI TANAH SUBUR BAGAIKAN ORANG YANG MENDENGAR PERKHABARAN ITU LALU MEMAHAMINYA, DAN BERBUAH BANYAK.



PEMERINTAHAN TUHAN
SEPERTI SEORANG YANG MENABUR
BENIH YANG BAIK DI LADANGNYA,
TETAPI MUSUHNYA DATANG DAN
MENANAM LALANG DI ANTARA
GANDUM ITU!

HAMBA PELADANG
ITU BERTANYA SAMA ADA
TUANNYA MAHU MEREKA
MENCABUT LALANG ITU,
TETAPI TUANNYA
BERKATA--

"--TIDAK, BIARKANLAH
LALANG TUMBUH BERSAMA-
SAMA GANDUM SEHINGGA TIBA
MASA MENUAI DAN KEDUA-DUA
HASIL DAPAT DIBAHAGIKAN
DENGAN SELAMAT."



PERNAHKAH
SESEORANG
MEMASANG PELITA
LALU MELETAKKANNYA
DI BAWAH KATIL?

TENTU PELITA
ITU DILETAKKANNYA
DI ATAS KAKI PELITA
SUPAYA ORANG DAPAT
MELIHAT
CAHAYANYA!

KETAHUILAH!
APA YANG TERSEMBUNYI
AKAN DINYATAKAN, DAN
APA YANG DIRAHSIAKAN
AKAN DIDEBAHKAN.



APABILA ALLAH
MEMERINTAH,
KEADAANNYA SEPERTI
SEBUTIR BIJI SAWI, YANG
DITANAM DI LADANG.

BIJI SAWI ADALAH
BENIH YANG TERKECIL,
TETAPI APABILA TUMBUH,
MENJADI LEBIH BESAR
DARIPADA SEGALA
TANAMAN!



APABILA ALLAH
MEMERINTAH, KEADAANNYA
SEPERTI SESEORANG YANG
MENJUMPAI HARTA DI
SEBUAH TANAH.

APA YANG AKAN
SEORANG BUAT
SELEPAS MELIHAT
HARTA ITU?

DIA AKAN
BELIKAN
TANAH ITU!

YA! DIA AKAN
MENJUAL SEGALA
MILIKNYA DAN
BELIKAN TANAH
ITU.



FAHAMKAH KAMU AKAN
PERKARA-PERKARA INI?

KAMI FAHAM!

OLEH ITU SETIAP
GURU TAURAT YANG
TELAH MENERIMA AJARAN
TENTANG PEMERINTAHAN
ALLAH--

BAGAIKAN PEMILIK
RUHAM YANG
MENGELUARKAN BENDA
BARU DAN BENDA LAMA
DARI STORNYA!

SETELAH YESUS MENCERITAKAN
PERUMPAMAAN-PERUMPAMAAN ITU,
DIA MENINGGALKAN TEMPAT ITU.

YESUS BERKATA KEPADA PENGIKUT-NYA
UNTUK MENYEBERANG TASIK GALILEA.

APABILA MEREKA BERLAYAR,
YESUS TERTIDUR.




LIHAT MARIA!
ITU KELIHATAN
BAHAYA!

APA ITU?

AWAN-AWAN,
DAN IA
MENGHAMPIRI
DENGAN CEPAT!

RIBUT!



ANGIN KENCANG!
PERAHU KAMI
AKAN TERBALIK!

TURUNKAN
LAYARNYA!

DI MANA
YESUS?



BAGAIMANA
DIA MASIH BOLEH
TIDUR?

YESUS! TUHAN!
SELAMATKANLAH
KAMI!

TIDAKKAH
GURU PEDULI?
KITA HAMPIR
TENGGELOM!

MENGAPA KAMU
TANYAKAN SOALAN
SEPERTI ITU?

MENGAPA
KAMU
TAKUT?

LIHAT
DISEKELIL-
ING-MU!

MENGAPA KAMU
KURANG PERCAYA
KEPADA-KU?



ANGIN,
DIAM!
OMBAK,
TENANGLAH!

BERTENANGLAH!!!




SIAPAKAH
ORANG INI?


ANGIN DAN
OMBAK PUN TAAT
KEPADANYA!

DI SEBERANG TASIK GALILEA,
DI DAERAH GERASA.











TOLONG
JANGAN DEKATI
KAMI.

KALAU BOLEH,
KAMI MAHU TUAN
TINGGALKAN TEMPAT
INI.



ADAKAH KAMU TIDAK
MELIHAT APA YANG DIA
TELAH LAKUKAN?

TIDAKKAH
KAMU SAKSIKAN
KUASANYA?

KAMU
SELAMATKAN
ORANG ITU!



KAMI
TELAH MELIHAT
SEMUANYA!

DAN KAMI
BERSYUKUR ATAS
APA YANG KAMU
TELAH LAKUKAN!

TETAPI KAMI
PUN TAKUT.

TOLONGLAH,
KEMBALI SEMULA KE
TEMPAT ASAL KAMU!



GURU,
BENARKANLAH
SAYA MENGIKUT
GURU!

PULANGLAH
KEPADA
KELUARGAMU.

BERITAHU MEREKA
SEGALA YANG TELAH
BERLAKU DI SINI.

JIKA SAYA MESTI PULANG,
PERCAYALAH BAHAWA SAYA AKAN
BERITAHU SESIAPA YANG BERTELINGA APA
TUHAN TELAH LAKUKAN UNTUK SAYA!



PERNAHKAN
KAMU MELIHAT
PERKARA SEPERTI
ITU?

AKHIRNYA!
MESIAS!

DIA TELAH MELAKUKAN
APA PEMBERONTAK DAN
KEBANGKITAN TIDAK
BOLEH LAKUKAN!

ORANG-ORANG YAHUDI INI MEMELIHARA
HAIWAN-HAIWAN KOTOR UNTUK ORANG ROM DAN
YESUS SEORANG MENGHENTIKAN SEMUANYA!



SAYA RASA ITU
BUKAN NIATNYA.

DIA MEMERINTAH ANGIN,
LAUTAN DAN ROH-ROH
JAHAT.

DIA BUKAN
SEPERTI YANG APA
SAYA SANGKAKAN...



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV